

NO. SOALAN:53.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 6 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]
minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah ramaikan rakyat
tidak memahami RUU 355, bolehkah Kementerian memberi
penjelasan yang sepenuhnya supaya rakyat tidak keliru.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari tentang kepentingan program-program
penerangan dan penjelasan bagi mengelakkan timbulnya salah
faham dan kekeliruan maklumat berkaitan isu pindaan Akta
Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Ingin saya jelaskan disini, bahawa *Akta 355* telah diperkenalkan pada tahun 1965. Ketika itu kadar maksimum hukuman penjara tidak lebih dari 6 bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya. Pada tahun 1984, peruntukan mengenai bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah tersebut telah dipinda melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Menerusi pindaan itu, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman telah dinaikkan kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Seterusnya, pada tahun 1989 ianya diperluaskan pemakaiannya ke Sabah dan Sarawak.

Cadangan pindaan yang terkini kepada *Akta 355* telah dikemukakan melalui Usul Ahli Persendirian bukan ahli Kerajaan oleh Ahli Parlimen Marang berdasarkan kepada Peraturan 49, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Oleh itu, Kerajaan tiada halangan terhadap badan bukan Kerajaan membuat program penerangan berhubung cadangan pindaan Akta 355 tersebut yang bertujuan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat termasuk undang-undang jenayah syariah kepada masyarakat umum melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, dialog, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.

Sekian, terima kasih.